

16 NOV 1997

Perancis-Iraq

KRISIS TELUK: IRAQ PERLU HENTIKAN KONFRONTASI, KATA CHIRAC

HANOI, 16 Nov (Bernama) -- Iraq perlu berhenti menentang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sebaliknya bekerjasama dengan badan dunia itu bagi memastikan kejayaan usaha-usaha diplomatik dalam menyelesaikan krisis teluk sekarang, kata Presiden Perancis, Jacques Chirac, hari ini.

Katanya sikap kerajaan Iraq sekarang tidak boleh diterima kerana Iraq tidak mempunyai jalan keluar sekiranya ia terus memilih konfrontasi.

"Sekiranya Iraq bekerjasama dengan PBB, barulah akan ada penumpuan baru terhadap cadangan untuk menarik balik sekatan (oleh Majlis Keselamatan PBB)," katanya pada satu sidang berita di sini di akhir sidang kemuncak La Francophonie selama tiga hari di sini.

Kata Chirac beliau telah berbual dengan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, melalui telefon mengenai perkara itu pagi tadi tetapi tidak mengulasnya lanjut.

Bagaimanapun, katanya, Perancis sekarang bersetuju dengan PBB bahawa sementara sikap Iraq dikecam, usaha-usaha diplomatik untuk menyelesaikan krisis sekarang perlu diteruskan oleh semua pihak terlibat.

Perancis ialah anggota tetap Majlis keselamatan dan bersama dengan Rusia dan China tidak seghairah AS yang mahu ancaman tindakan tentera dikenakan terhadap Iraq.

Sementara itu, Naib Presiden Vietnam, Nguyen Thi Binh, berkata kerajaannya di sini tidak bersetuju bahawa langkah-langkah sekatan atau embargo akan dapat menyelesaikan masalah itu.

Katanya Vietnam peka sangat dengan masalah-masalah akibat langkah-langkah sedemikian melalui pengalamannya sendiri yang lama.

"Saya kesal kerana sekatan-sekatan itu telah menyiksa rakyat Iraq," tambahnya.

Sebelum itu, Binh berkata sidang kemuncak antarabangsa pertama Vietnam itu telah dijalankan dengan jayanya dan menambah bahawa ia adalah satu kejayaan kerana di Hanoi pergerakan Francophonie memulakan langkah ke arah menjadi pertubuhan politik dan ekonomi yang diinstitusikan.

Sidang berita itu yang diadakan di Rumah Opera ala Perancis yang baru diubahsuai juga mengumumkan pelantikan Boutros Boutros-Ghali sebagai setiausaha agung pergerakan itu. Boutros-Ghali ialah bekas setiausaha agung PBB.

Pergerakan La Francophonie, yang sekarang dianggotai oleh 49 negara, setakat ini berasaskan aktiviti kebudayaan dan bahasa yang berkaitan dengan Perancis.

Chirac kemudian berlepas ke Malaysia untuk satu pertemuan yang tidak dijadualkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi.

-- BERNAMA

ghz WAT